



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI WESAK PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

Kerajaan MADANI melalui **Kementerian Perpaduan Negara** dan **Kementerian Pengangkutan**, dengan kerjasama **Pertubuhan Perundingan Buddhis Malaysia**, akan menganjurkan Sambutan Hari Wesak Peringkat Kebangsaan 2026 selaras dengan prinsip **Malaysia MADANI**, khususnya nilai **ihsan** dan **hormat** dalam memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk. Sebagai sebahagian daripada sambutan ini, dua inisiatif utama akan dilaksanakan:

1. PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI PRINSIP BUDDHA DAN AMALAN MADANI

Persidangan ini bertemakan “*Merentasi Kebijaksanaan dan Tamadun: Prinsip Buddha & Amalan MADANI*” dan akan berlangsung pada 23 Mei 2026 di Menara KEN, Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur. Persidangan ini dijangka menghimpunkan pemimpin agama, cendekiawan, dan masyarakat sivil bagi membincangkan nilai-nilai sejagat dalam ajaran Buddha yang selari dengan kerangka Malaysia MADANI. Majlis ini akan diserikan dengan kehadiran YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, sebagai tanda komitmen kerajaan terhadap dialog antara agama dan pengukuhan nilai bersama dalam masyarakat.

2. PROGRAM SAMBUTAN WESAK AKAR UMBI

Program ini merupakan inisiatif kerajaan untuk menyalurkan sokongan secara langsung kepada organisasi Buddha di peringkat komuniti di seluruh negara. Melalui program ini, setiap tokong, vihara, dan pusat Buddha yang berdaftar serta diluluskan akan menerima bantuan sebanyak **RM2,000**. Pada tahun pelaksanaan pertama, program ini menyasarkan sehingga **1,000 organisasi** di seluruh Malaysia, dengan jumlah komitmen kerajaan sebanyak **RM2 juta**. Pendaftaran kini dibuka, dan semua tokong, vihara, serta pusat Buddha yang merancang untuk meraikan Wesak pada tahun 2026

adalah digalakkan untuk mendaftar melalui laman web rasmi:
www.mbcc.org.my.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata bahawa usaha ini selari dengan inisiatif Harmoni MADANI yang digerakkan oleh kementerian bagi memperkukuh hubungan antara penganut agama di Malaysia. Beliau menegaskan bahawa prinsip *faham, hormat, terima dan raikan* merupakan teras kepada integrasi nasional, dan keharmonian yang kukuh. Dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, keharmonian adalah satu tanggungjawab bersama. Ia perlu dipupuk secara berterusan melalui dasar, program, dan interaksi harian yang berteraskan nilai hormat dan ihsan.

Sementara itu, YB Tuan Anthony Loke, Menteri Pengangkutan, menegaskan bahawa “Saya berbesar hati untuk hadir hari ini bagi menyampaikan sokongan Kerajaan kepada komuniti Buddha. Inisiatif seperti ini mencerminkan kerjasama yang baik, di mana kerajaan dan komuniti melangkah bersama ke arah yang sama dengan matlamat yang selari. Organisasi Buddha telah berdekad-dekad lamanya memberi makanan kepada yang memerlukan, menjaga warga emas, dan mengeratkan ikatan kejiranan. Itulah salah satu semangat Malaysia MADANI, dan semangat itulah yang ingin kita pupuk bersama.”

Kerajaan MADANI komited untuk terus memperkukuh perpaduan nasional melalui pendekatan inklusif yang menghargai kepelbagaian budaya dan agama, selaras dengan aspirasi membina sebuah Malaysia yang lebih harmoni, adil dan sejahtera untuk semua.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
DAN**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

16 APRIL 2026

KPN.100-9/1/16 (31)

